

CULTURE TRIP AT KAMPUNG LONEK

Tarikh : 27 Oktober – 28 Oktober 2018

Lokasi : Kampung Lonek, Bahau, Negeri Sembilan

LATAR BELAKANG PROGRAM

Program 'Culture Trip at Kampung Lonek' merupakan salah satu program yang telah disusun oleh Unit Hal Ehwal Pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dengan penglibatan OIA Buddies untuk pelajar mobiliti antarabangsa, Ryuma Miyashita. Program berteraskan komuniti serta kebudayaan ini dijalankan selama dua hari di Homestay Kampung Lonek, Bahau Negeri Sembilan. Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan tentang warisan dan kebudayaan tradisional masyarakat Melayu kepada pelajar antarabangsa tersebut. Program ini juga memberi pendedahan kepada pelajar dan pelajar antarabangsa tentang tanaman utama yang diusahakan oleh masyarakat kampung tersebut iaitu padi dan getah.

OBJEKTIF

1. Memberkenalkan budaya masyarakat Melayu kepada pelajar mobiliti antarabangsa
2. Merasai pengalaman tinggal di rumah Melayu tradisional dan menjalankan aktiviti dengan penduduk kampung.
3. Mempelajari keunikan bahasa, suku, makanan, tarian, nyanyian dan permainan tradisional masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

PELAKSANAAN PROGRAM

Program ini melibatkan 5 orang mahasiswa terdiri daripada ahli OIA Buddies, (2 orang lelaki dan 3 orang perempuan), pelajar mobility antarabangsa iaitu Ryuma Miyashita dan seorang pensyarah selaku pengiring.

PENGISIAN

- Eksplorasi Kampung : Menjelajah di sekitar kampung menaiki trem, melawat sawah padi dan demonstrasi menoreh getah.
- Eksplorasi Makanan : Mempelajari cara mengemping padi secara tradisional dan sesi memasak kuih tradisional Melayu bersama keluarga angkat.
- Eksplorasi Budaya : Pada siang hari, peserta bermain permainan tradisional kanak-kanak seperti tarik upih dan bermain roda dan seterusnya peserta mencuba mengoca ikan. Pada sebelah malam, peserta diajar menari tarian Endang iaitu tarian tradisional masyarakat Melayu Negeri Sembilan dan membuat persembahan mengikut kumpulan pada Malam Kebudayaan.



Peserta menjelajah kampung menaiki trem



Peserta mempelajari cara mengemping padi secara tradisional



Hasil daripada aktiviti mengoca ikan di sawah



Persembahan malam kebudayaan



Peserta bergambar bersama Puan Badariah, Pengerusi Homestay Kg Lonek di hadapan rumah beliau.